

## PERSPEKTIF SOSIO EKONOMI MASYARAKAT DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH KARYA AZIZI ABDULLAH

NOOR SALAWATI ABU BAKAR  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[noorsalawati@hotmail.com](mailto:noorsalawati@hotmail.com)

ZUBIR IDRIS\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[zidris@ukm.edu.my](mailto:zidris@ukm.edu.my)

SHAIFUL BAHRI MD. RADZI  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[shaifulradzi@gmail.com](mailto:shaifulradzi@gmail.com)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Azizi Abdullah menerusi karya-karyanya sering menampilkan kehidupan masyarakat desa dan bersulam dengan ikatan keluarga. Biarpun mengheret pelbagai tema dengan genre yang berbeza, Azizi tetap menengahkan *survival* kehidupan keluarga. Karya-karya beliau sering menampilkan landskap ekonomi masyarakat Melayu yang cenderung dalam arena tani dan sara diri. Penceritaan yang berlatar belakang kepada kehidupan desa turut membawa khalayak kepada kepayahan hidup dan jauh dari keselesaan infrastruktur di samping ikatan keluarga yang besar. Karya-karya beliau turut memperlihatkan impak ekonomi yang memberi ruang dan migrasi ke kota untuk peluang kerja dan peranan gender. Kemunculan teknologi turut merubah kaedah tani di desa sekaligus menyumbang kepada mobiliti masyarakat. Dasar kerajaan terhadap pembangunan dan pemodenan desa yang menyumbang kepada kekuatan ekonomi dilihat memberi impak dan kepincangan dalam kekeluargaan. Keadaan tersebut ditampilkan oleh Azizi dalam novel-novelnya seperti *Senja Belum Berakhir*, *Harga Sebuah Maruah*, *Tukcai* dan *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kajian ini bersifat kualitatif, yang melibatkan pembacaan yang rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Kajian terhadap aspek sosio ekonomi mendapati, telah wujud perubahan dari aspek peluang kerjaya, citra dan peranan wanita serta penerimaan masyarakat terhadap penggunaan kaedah moden dalam amalan pertanian masyarakat desa. Hal yang demikian menunjukkan masyarakat desa telah menerima perubahan dan berusaha meningkatkan taraf kehidupan. Biarpun pengkaryaan novel dilihat, menjadi pelantar kepada Azizi untuk menyuarakan kritikan, perasaan dan pandangan terhadap permasalahan-permasalahan persekitaran sosio ekonomi masyarakat namun beliau turut memperlihatkan berlaku anjakan taraf kehidupan masyarakat.

**Kata kunci:** Konstektual; pemerhatian; pemikiran; sosioekonomi; tekstual

**THE PERSPECTIVES OF COMMUNITY SOCIO-ECONOMY IN THE  
SELECTED BOOKS BY AZIZI ABDULLAH**

**ABSTRACT**

Throughout his books, Azizi Abdullah often shows the life of the village community. Along with the bond with families. Alas, he focuses on the survival of the family life despite using different genres with various themes in his writing. The Malay community's economic landscape tends to farm, and subsistence becomes the main topic in his creations. The back story was basically about life in the village through his storytelling, which attracts the public about the hardship in real life. Still, he always emphasizes the strong bonding of bigger families despite they were far from having the comfort of basic infrastructure. This was shown in the 35 novels Azizi wrote. The gender role, and the impacts of the economy, allowed the villagers to migrate to the city was another thing in his writings. The emergence of technologies changes the methods of farming in the village. Aside from that, it was beneficial for community mobility. The fundamentals of the rulers develop and modernize villagers. Though, it has the downside in the family while it secures the economy. These situations were shown in his novels as *Senja Belum Berakhir*, *Harga Sebuah Maruah*, *Tukcai*, and *Seorang Tua di Kaki Gunung*. For this, the researcher using the qualitative method, the researcher read the books meticulously, and did a writing sources assessment. As for that, the materials underwent deep textual and contextual analysis. Azizi using his writings as the platform to voice out his critics, sentiments, and opinions about the problems in the community socio-economy.

**Keywords:** Contextual; observation; reflection; socio-economy; textual

**PENGENALAN**

Di sekitar 1940an, nama Azizi Haji Abdullah telah muncul mewarnai genre novel tanah air. Kepengarangannya dalam genre novel cenderung menyerlahkan pemikirannya terhadap elemen sosio politik dan sosio ekonomi. Karya-karya Azizi kerap menyentuh tentang latar ekonomi khususnya terhadap masyarakat desa. Situasi ini jelas digambarkan dalam ke semua novel beliau. Senario berkenaan digarap kreatif dalam karyanya sekaligus mewakili setiap zamannya. Karya-karya novel Azizi dilihat lebih rancak menentang *survival* dan permasalahan masyarakat pada dekad 70-an hingga ke abad-20.

Penelitian ini membawa khalayak untuk mengenali sosok Azizi Haji Abdullah. Beliau dilahirkan pada 4hb April 1942 di Bukit Meryam, Kuala Muda, Kedah. Azizi mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Bukit Meryam dan lulus darjah lima ketika itu. Azizi mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang dari tahun 1956 hingga 1965. Seterusnya Azizi mengikuti Kursus Penulisan Kreatif di Universiti Sains Malaysia (Salmiah, 2000). Azizi memulakan langkah kerjayanya sebagai seorang guru agama di Sekolah Kebangsaan Sungai Taka, Serdang, Kedah hingga tahun 1970 dan kemudian berpindah lokasi sekolah ke Sekolah Kebangsaan Ladang Dublin di Karangan, Kedah. Azizi turut berpengalaman mengajar di Sekolah Kebangsaan Tuanku Abdul Malik, Kulim. Latar belakang dan perjalanan pengalaman Azizi memperlihatkan pengalamannya dalam arena keagamaan menjadi inspirasi dalam penulisan beliau. Maka tidak hairanlah pendidikan agama banyak

mempengaruhi karya-karya dan kepengarangannya. Selain itu, latar belakang kehidupan Azizi begitu akrab dengan kehidupan di desa-desa dan bermain dengan alam dan rimba. Kehidupan di desa yang sarat dengan kepayahan hidup kerap menghiasi penceritaan dalam karya novel Azizi. Hal ini dapat dilihat dalam novel yang diteliti dalam penulisan ini. Azizi juga mempunyai hubungan sosial dalam masyarakat dan menceburi arena politik. Di sinilah beliau mulai rancak melahirkan pandangan, kekecewaan dan perasaan ingin memperjuangkan nasib serta penderitaan masyarakat, yang mendorong Azizi terus menyelongkar pelbagai isu dalam masyarakat. Kepincangan inilah yang cuba diketengahkan secara halus dan telus oleh Azizi. Menerusi jalinan kiasan dan metafora, Azizi mengetengahkan kemelut masyarakat dalam arena ekonomi, politik mahupun sosial. Karya yang dihasilkan bukan semata-mata satu senario tentang apa yang dilihatnya, tetapi terselit pemikiran, cita-cita, nilai dan perasaan pengarang itu sendiri (Sohaimi Abdul Aziz, 2011). Justeru, seseorang pengarang itu bukan sekadar bermain-main dengan dunia imaginasi semata-mata tetapi memberi makna dan memaknakaninya dengan dunia realiti (Azhar Hj Wahid, 2013). Ilham yang diterjemahkan menerusi karya penanya memperlihatkan pemberontakan jiwa yang rasa tidak berpuas hati dan ingin mengkritik serta membantah. Kesemua mekanisme ini dilihat dan dapat dikesan dalam karya Azizi. Karya-karyanya cenderung mengangkat masyarakat desa yang bergelumbang dengan kemiskinan. Aspek sosio ekonomi masyarakat desa dikatakan ketinggalan dalam pelbagai dimensi kehidupan. Masyarakat desa sering digambarkan hidup dalam keadaan asakan ekonomi dan berpendapatan rendah bak kata pepatah “kais pagi, makan pagi kais petang, makan petang.”

Kolonial sering mendakwa bangsa peribumi satu bangsa yang malas. Hakikatnya mereka gigih berusaha dan ketekunan merupakan nilai jati diri masyarakat peribumi (Syed Hussein Alatas, 1989: 127). Tulisan ini menganalisis kritikan sosio ekonomi yang ditampilkan oleh Azizi dalam novel-novel terpilih yang turut mewakili setiap zaman. Novel-novel berkenaan adalah *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tukcai* (1991) dan *Harga Sebuah Maruah* (2007). Karya-karya tersebut dikaji dari aspek kritikan sosio ekonomi. Hasil daripada pembacaan yang dilakukan mendapati terdapat pelbagai kritikan disampaikan secara langsung dan tidak langsung melalui watak, dialog, peristiwa dan teknik naratif pengarang. Kepekaan dan keprihatinan Aziz dapat dilihat menerusi pengamatannya terhadap ketidaksamarataan kehidupan bermasyarakat biarpun teraju pemerintahan negara bersilih ganti, namun manfaat pembangunan tidak dinikmati oleh masyarakat marhaen. Keempat-empat karya ini dilihat masih mengutarakan tentang kepincangan yang ketara dalam ekonomi majoriti keluarga Melayu biarpun berdekad menjalani kemerdekaan dan dasar pembangunan negara. Dalam erti kata lain, manfaat dasar yang ditetapkan tidak berlaku secara menyeluruh dan tidak mencecah akar umbi masyarakat. Realiti yang disaksikan oleh Azizi sebagai pengarang ketika diheret dalam karya-karya dan kritiknya secara halus diadun menerusi dialog watak-watak dalam novel.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian pustaka sepenuhnya. Menurut Strauss dan Corbin (1998), penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain. Patton (1978) pula menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai *verstehen* atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan *verstehen*

adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerikal.

Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson, 1995). Oleh itu, penyelidikan kualitatif ialah suatu kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al., 1994). Penelitian ini adalah bersifat ekstrinsik dengan melihat dari sudut pendekatan sosiologi dalam mengetengahkan maklumat dan gambaran sesuatu komuniti seperti cara hidup masyarakat yang berperaturan, kewujudan kelas masyarakat sepertimana yang ditampilkan dalam novel yang ditulis oleh Azizi.

Dalam penulisan ini, kajian dilakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena dalam teks yang melibatkan pengarang dan kisah-pemikiran dalam teks novel. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang bertunjangkan kaedah analisis dokumen melalui penelitian ke atas novel yang terpilih dengan kriteria kepengarangan yang bermutu. Menurut Ratna (2004), apabila penyelidik berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam sebarang dokumen, reka bentuk kajian ini dikenali sebagai analisis konten atau analisis dokumen.

Data-data yang diperoleh dengan cara mengumpul dan mengenal pasti melalui pembacaan novel yang terpilih. Sebanyak empat buah novel telah dipilih bagi penelitian tulisan ini. Novel-novel berkenaan adalah *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tukcai* (1991), *Harga Sebuah Maruah* (2007). Berdasarkan pembacaan ke atas novel-novel terpilih, dialog-dialog, ayat, wacana dan sebagainya dijadikan sebagai bahan bukti hasil penemuan fakta yang boleh dikaitkan dengan aspek pemikiran.

Novel-novel berkenaan dipilih mewakili setiap dekad tertentu untuk membolehkan penelitian masyarakat mengikut zaman berkenaan. Dengan hal yang demikian, penulisan ini dapat memfokuskan kepada pemikiran Azizi sebagai pengarang. Pemilihan novel-novel berkenaan juga dibuat berdasarkan hasil karya yang bermutu tinggi. Novel *Seorang Tua Dikaki Gunung* contohnya, telah diangkat sebagai Komponen Sastera oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain itu, novel *Harga Sebuah Maruah* (2007) pula telah memenangi Sayembara Mengarang Novel sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini juga telah diulang cetak pada tahun 2009. Karya yang bermutu sudah tentu memiliki plot yang teratur, watak yang pelbagai, tema yang universal, persembahan yang menarik, sudut pandangan yang berkesan selain sarat dengan nilai dan pengajaran. Selain itu, pemilihan novel ini juga kerana memaparkan persoalan kemanusiaan, keindahan moral serta digarap dengan bahasa yang indah dan kreatif. Pemilihan karya pemenang juga dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan dinilai oleh panel yang telah dilantik khas

Selain itu, tulisan ini turut menyorot isu-isu sampingan yang berkaitan dengan gambaran masyarakat setempat dalam novel-novel berkenaan. Secara jelasnya, aspek pemikiran merujuk kepada kebolehan akal bernalar yang menjadi harta intelek dalam diri setiap manusia yang berupaya menzahirkan kepelbagaian emosi, imaginasi dan suara. Bertitik-tolak dari pernyataan tersebut, dapat dilihat bahawa satu paradigma penyelidikan sastera untuk masa hadapan perlu diubah daripada aras pengetahuan dan kefahaman untuk beranjak mencapai tahap 'analisis' dan dapat menjangkau tahap 'sintesis' yang kemudiannya melonjakkan kepada satu aras 'penilaian'. Impaknya akan dapat menyumbang kepada suatu idea yang baru dan membawa manfaat kepada kehidupan

manusia. Justeru, perbincangan yang menggunakan novel *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tukcai* (1991), *Harga Sebuah Maruah* (2007) karya Azizi Haji Abdullah dilakukan untuk mengupas aspek sosio ekonomi masyarakat yang terdapat di dalamnya.

### **ANALISIS KRITIKAN SOSIO EKONOMI**

Dekad demi dekad, Azizi melihat masyarakat Melayu desa melalui berbagai rintangan namun tetap terus beradaptasi dengan pelbagai corak perubahan yang berlaku. Hal ini dapat dilihat berdasarkan landskap ekonomi masyarakat desa yang berlaku pada skala kecil-kecilan dan sara diri. Penglibatan Azizi secara langsung dalam arena tani dan aktiviti sosio ekonomi membantu beliau menjalani liku-liku perubahan masyarakatnya. Kisah masyarakat yang mencari hasil hutan dan mengerjakan sawah padi serta bercucuk tanam begitu menonjol dalam karya novel Azizi.

Menurut Seri Lanang Jaya Hj Rohani et al. (2016), pemikiran dalam karya bermaksud subjek yang dibawakan bermula daripada idea dan pengalaman. Idea dan pengalaman tersebut dimantapkan bersama-sama dengan imaginasi dan kreativiti untuk dijemakan menjadi persoalan dan tema karya. Setiap pengarang mempunyai cara tersendiri dalam memilih bahan, mengejapkannya dan kemudian menjelmakannya menjadi untaian perkataan yang menampilkan amanat secara tersirat. Siti Aisah Murad (1996) pula menyatakan bahawa setiap karya adalah catatan pengalaman yang telah direnung, difikir, dan ditapis oleh pengarang untuk dijalin menjadi sebuah hasil penulisan, sama ada gaya kreatif ataupun deskriptif.

Sehubungan dengan itu, Azizi menyingkap tabir sosio masyarakat dalam ke semua karya novelnya. Sentuhan kreativitinya sebagai pengarang mapan menjadikan permasalahan diungkap sentiasa segar untuk tatapan khalayak dan relevan dipolemikkan sepanjang semasa. Transformasi sosial dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat mengheret keprihatinan Azizi menyorot fenomena yang berlaku dan mewarnai karya-karya penulisan khususnya. Ramli Isin (1997) menegaskan, keberadaan pengarang dalam lingkungan masyarakat selain menjadi pemerhati turut merasai konflik dihadapi oleh mereka. Sejalan dengan itu, dilihat keterlibatan langsung Azizi dalam kehidupan masyarakat menyebabkan Azizi yang melihat ekonomi keluarga Melayu khususnya di desa hanya mula menampakkan perubahan positif selepas pelaksanaan DEB (1971-1990). Hal ini terbukti apabila masyarakat mulai keluar dari kepompong tani malahan turut memberi penyertaan yang aktif dalam aktiviti niaga, yang secara tidak langsung turut menyumbang tenaga dalam sektor industri.

Menelusuri pembangunan ekonomi negara dari dekad ke dekad, Azizi melihat orang Melayu meskipun terpaksa mengharungi rintangan, namun terus berkeupayaan beradaptasi dengan pelbagai corak perubahan. Hal yang sebegini menjadi faktor pendorong kepada mereka untuk meningkatkan taraf hidup sehingga mampu mencorakkan landskap sosio ekonomi yang lebih memberangsangkan seiring perubahan dan tuntutan zaman seperti digarap lewat empat buah novelnya. Pengalaman terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti sosioekonomi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang berbeza turut membantu beliau menyelami liku-liku perubahan masyarakat sekitarnya.

Mendalami karya novel Azizi, khalayak pembaca akan menemukan tiga aspek utama yang menunjangi gelombang evolusi perubahan sosio ekonomi keluarga Melayu hasil penerapan dasar-dasar pembangunan sejak pascamerdeka. Secara kritis dan kreatif,

perubahan berkenaan dijustifikasikan menerusi perubahan aspek peluang pekerjaan, peranan gender serta kemajuan sains dan teknologi moden yang dinikmati oleh masyarakat dalam karya novel Azizi. Secara mudah, ketiga-tiga aspek yang menjadi perhatian perbincangan ini diringkaskan seperti dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Perubahan Sosioekonomi Keluarga Melayu Garapan Azizi Haji Abdullah

Bil	Novel	Peluang Kerjaya	Citra Wanita	Kemajuan Teknologi Moden
1	<i>Senja Belum Berakhir</i> (1971)	/		/
2	<i>Seorang Tua di Kaki Gunung</i> (1982)	/		/
3	<i>Tukcai</i> (1991)	/	/	
4	<i>Harga Sebuah Maruah</i> (2007)		/	/

### **Peluang Kerjaya**

Melihat kepada struktur kehidupan masyarakat Melayu dalam dekad 1960-an, didapati majoriti keluarga Melayu memilih hidup secara berkelompok dan berada dalam lingkungan induk khususnya di utara Tanah Melayu. Hal yang demikian dirakamkan oleh Azizi dalam karyanya dengan jelas dalam keempat-empat novel kajian ini. Latar tempat bagi keempat-empat novel yang diteliti adalah menjurus kepada salah satu daerah di Kedah. Justeru, kerjaya yang mendominasi kehidupan ahli keluarganya berbentuk sara diri daripada hasil tani. Kemiskinan menjadi satu label tetap kepada masyarakat luar bandar ekoran menolak peluang untuk meneroka ruang baru yang disediakan di kota. Azizi sebagai anggota masyarakat mendekati masyarakat dan memahami apa yang dilalui oleh masyarakatnya. Azizi kelihatan begitu arif dalam memerihalkan senario masyarakatnya dan dijalin kreatif dalam novelnya. Hal itu bersesuaian dengan pernyataan oleh Muhammad Yusri (2020:183), yang mengatakan bahawa kearifan tempatan merupakan satu bentuk pemikiran yang tinggi dan kreatif terhadap sesuatu amalan dan praktikal dalam masyarakat dan membawa nilai secara tersirat dan tersurat.

Menyorot novel *Senja Belum Berakhir* (1971), Azizi memaparkan kemiskinan keluarga Malawi. Impak kemiskinan dan pembangunan yang tidak serata khususnya di desa-desa menyebabkan berlakunya pengangguran di desa berbanding dengan kehidupan di kota, dengan ruang pekerjaan yang terbuka luas. Ekoran situasi tersebut telah menyebabkan berlaku pergerakan golongan muda ke kota untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing. Penghijrahan golongan muda ke kota untuk mencari peluang pekerjaan dilukiskan oleh Azizi menerusi beberapa novelnya secara bersahaja contohnya dalam novel *Senja Belum Berakhir* (1971) dan novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982). Menyentuh tentang pergerakan golongan belia dalam novel *Senja Belum Berakhir* (1971) dapat dilihat asbab yang mendorong Malawi mengadu nasib di kota setelah tergadainya tanah pusaka ibu Malawi. Mata pencarian keluarga semakin merosot. Desakan kemiskinan ini menyebabkan Malawi mencuba nasib ke kota. Justeru, dengan tindakan itu Malawi dapat menampung dan menanggung hidup keluarga sekaligus membiayai persekolahan adiknya yang bernama Sabariah. Azizi menggarap usaha dan pengalaman Malawi mengubah corak sosioekonomi keluarganya seperti dalam dialog berikut:

Dia meninggalkan kampung yang dijajari dengan pokok-pokok kelapa dan sawah ladang itu adalah semata-mata kerana mencari kehidupan baru. Sawah yang menjadi pesaka sebanyak sembilan relung ketika itu masih dalam gadaian... Mereka cuma dibenarkan mengerjakan tiga relung sahaja. Tiga relung manalah cukup kalau untuk menampung makan-pakainya ... makan pakai ibu-bapanya...ketika itulah timbul niatnya hendak merantau. Akhirnya dia tersangkut di tengah kota Kuala Lumpur... Dia bekerja sebagai pencuci kereta, kemudian berpindah menjadi tukang kebun di sebuah rumah tuan besar. Berkat kesabarannya, dia dapat mengumpulkan sedikit wang. Dia berhenti dari menjadi tukang kebun, lalu menangkap tender kantin sekolah.

(Azizi Haji Abdullah, 1971: 4)

Konteks kepayahan hidup di desa dan ruang pembangunan di kota hingga menarik golongan muda untuk bertapak di bandar turut dimuatkan oleh Azizi dalam novelnya *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982). Dalam novel tersebut diperihalkan tentang kegigihan seorang bapa tua memperjuangkan kehidupan sara diri di hutan dan aktiviti mencari hasil hutan. Hal yang demikian dilihat mendominasi latar sosio ekonomi masyarakat desa. Azizi menonjolkan realiti tersebut menerusi keluarga Tukya dan Besah dan anak tunggal mereka, Fikri. Kegigihan kehidupan sara diri di kampung dan hasil hutan akhirnya membolehkan Fikri mendapat pendidikan.

Rancangan pembangunan ekonomi yang kian mencetuskan pelbagai peluang kerjaya terutama di bandar membolehkan belia Melayu berpendidikan tinggi seperti Fikri menduduki posisi penting dalam jabatan di bandar besar setaraf kelayakan dimiliki. Fikri juga menolak kemahuan bapanya yang mahukannya untuk hidup di desa. Fikri berpendirian bahawa pekerjaannya sebagai penjawat awam, menuntut untuk tinggal di kota dan menolak keras untuk duduk di desa. Pernyataan itu dapat dilihat menerusi perbualan Fikri kepada ayahnya Tukya seperti petikan berikut, "*Kerja makan gaji tidak boleh tinggal di tepi rimba macam ni*" (Azizi Haji Abdullah, 1982:17).

Dialog tersebut memberi gambaran tentang Fikri sebagai seorang anak muda yang tidak betah duduk di desa, dan mahu meninggalkan cara hidup tradisional dan menerapkan nilai-nilai hidup di bandar kepada anggota keluarganya (Othman Puteh, 1985: 40). Situasi ini merupakan cerminan kepada dasar kepimpinan Tun Hussein Onn diikuti Dr. Mahathir yang berkehendakkan posisi penting dalam sebarang institusi mahu pun organisasi termasuk pentadbiran awam disandang anak tempatan. Justeru, keadaan yang demikian telah mengangkat status sosio ekonomi keluarga Melayu yang bukan hanya berkecimpung dalam sektor tani secara tradisi malahan terserlah dalam arena lainnya. Selain itu, perubahan berkenaan turut menyeimbangkan penyertaan semua kaum dalam pembangunan negara sekaligus menyusun semula masyarakat di samping menghapuskan kemiskinan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Keadaan demikian menggambarkan realiti kehidupan Azizi. Beliau menjadi entiti yang terlibat secara langsung dalam proses peralihan pembangunan Dasar Ekonomi ketika itu.

### **Citra Wanita**

Menjelang akhir dekad 1980-an, peranan wanita dalam mencari nafkah mulai menonjol. Kaum wanita mulai mendapat posisi dalam arena pekerjaan. Dalam erti kata lain, peranan gender mulai menonjol. Berhubung perkara ini, Ungku Maimunah (2013:93) mengatakan

bahawa gender sering digunakan untuk membuat analisis terhadap peranan (*roles*), tanggungjawab (*responsibilities*), kekangan (*constraints*), serta keperluan (*needs*) bagi lelaki dan perempuan dalam semua perkara dalam konteks sosial. Sejalan dengan pernyataan itu, peranan gender menjadi bahan sorotan dalam kepengarangan Azizi pada ketika itu.

Azizi merakamkan perubahan terhadap peranan dan citra wanita lewat garapan watak Makpi dalam novel *Tukcai* (1991). Makpi merupakan anak perempuan tunggal Tukcai dan Nekcai yang lahir dan dibesarkan dalam keadaan serba sederhana di desa lantaran orang tuanya sekadar bertani bagi meneruskan kelangsungan hidup. Mengikut tradisi keluarga Melayu desa, anak perempuan jarang diberikan pendidikan tinggi apatah lagi hingga melangkah ke luar negara. Mereka sekadar dibekalkan ilmu pengurusan rumahtangga sebagai persediaan menuju ke alam perkahwinan. Anak perempuan tidak lagi duduk di ceruk dapur tetapi turut berpeluang bersaing dalam arena pendidikan, kerjaya serta menjadi penyumbang ekonomi keluarga seperti garapan Azizi lewat watak Makpi. Justeru, dengan kelebihan pendidikan formal dimiliki, Makpi bukan sahaja membawa watak sebagai ibu dan suri rumahtangga sebaliknya turut berperanan sebagai pencari nafkah keluarga. Makpi ditampilkan yang mempunyai pendidikan dan lulusan dari Mesir, berkerjaya sebagai guru agama untuk menyara keluarga termasuk ibu bapanya terutama selepas bergelar ibu tunggal. Sebagai pendidik, jelas Azizi mempunyai pandangan jauh dalam meletakkan peranan wanita dalam keluarga sejajar tuntutan zaman selaras pandangannya bahawa pendidikan menjadi senjata ampuh setiap insan khasnya orang Melayu untuk keluar dari cakupan kemiskinan berterusan (Azizi Haji Abdullah. 2008: 9) Petikan teks berikut menggambarkan realiti garapan Azizi berkenaan:

Selepas merdeka, Makpi dihantar ke Mesir oleh ibu bapanya untuk menuntut ilmu syariah di Universiti al-Azhar. Setelah tamat pengajian, ibunya, Nekcai tidak membenarkannya ke mana-mana. Nekcai menyuruhnya menghambakan diri di sekolah menengah agama rakyat yang terletak di hujung bandar. Makpi juga terus tinggal sebumbung dengan ibu bapanya meskipun setelah berumahtangga lantaran menjaga sekaligus menyara ibu bapa yang telah tua. Setelah kematian suami, tanggungjawab mencari nafkah keluarga termasuk membesarkan anak lelaki tunggalnya, Supi terletak di bahunya secara mutlak. Justeru, selain komitmen menguruskan keluarga dan rumahtangga, Makpi turut berperanan mencari rezeki demi kelangsungan hidup mereka.

(Azizi Haji Abdullah, 1991)

Petikan teks tersebut memperlihatkan transformasi peranan wanita dalam ruang lingkup sosial yang berperanan menyumbang pembangunan keluarga. Situasi ini menunjukkan Azizi menampilkan suatu pandangan baru terhadap kebolehan dan kemandirian peranan wanita untuk membangunkan keluarganya. Menyingkap aspek citra wanita dalam novel *Harga Sebuah Maruah* (2007), Azizi membangunkan watak Cah yang begitu gigih mengerjakan tanah sawah peninggalan suaminya. Cah digambarkan sebagai watak ibu tua yang mempunyai kegigihan yang tinggi. Cah bukan sahaja mempunyai minat yang mendalam mengusahakan peninggalan suaminya malah Cah beranggapan tanah sawahnya adalah aset untuk menjana ekonomi keluarganya. Azizi memerihalkan suasana ini seperti berikut, "*Walaupun tidak bersuami, walaupun tidak ada dunia lain daripada dunia yang dihadapinya. Erti hidup bagi Cah hanyalah tiga relung sawah peninggalan awah bapa yang kemudiannya diusahakan oleh suami, kemudian dia*



*sendiri, bersama-sama Hijrah*” (Azizi Haji Abdullah, 2007:1).

Selain dari watak Cah yang menjalankan peranan menanggung kehidupan keluarganya, Azizi turut melukiskan beberapa watak wanita yang berperanan sebagai peneraju ekonomi keluarga, iaitu Leha, Puziah dan Siti Zainab yang turut sama membanting tulang mengusahakan sawah padi mereka sebagai sumber pencarian. Kemunculan watak-watak wanita dalam novel ini memperlihatkan pemikiran Azizi dalam memperkasakan wanita. Sejalan dengan pernyataan tersebut, Ungku Maimunah (2012) mengatakan menerusi novel ini merupakan satu anjakan yang dibuat oleh Azizi. Justeru kelihatan, kaum wanita turut sama menggembeleng tenaga membina kehidupan dan bukan hanya idominasi oleh golongan lelaki sepertimana amalan terdahulu.

### **Kemajuan Teknologi Moden**

Kehidupan sebagai anak pesawah membolehkan Azizi menyaksikan sendiri kecenderungan para petani pada dekad berkenaan secara bertahap mengguna pakai teknik-teknik moden termasuk penggunaan baja kimia, sistem pengairan yang efisien dan teknik penanaman padi dua kali setahun. Perkara-perkara ini dirakamkan dalam novel-novelnya menerusi penggunaan alatan dan kaedah moden dalam pertanian membawa impak kepada pertambahan hasil penanaman mereka. Justeru, kualiti dan kuantiti padi yang dihasilkan semakin meningkat dan secara tidak langsung telah dapat meningkatkan taraf kehidupan masyarakat desa. Senario ini telah dirakamkan oleh Azizi Haji Abdullah dalam tiga buah novelnya iaitu *Seorang Tua di kaki Gunung* (1982), *Harga Sebuah Maruah* (2007) dan *Senja Belum Berakhir* (1971). Petikan dalam novel *Senja Belum Berakhir* (1971) menunjukkan masyarakat desa berjaya meraih hasil dari usaha ke atas sawah sepertimana dalam perbualan berikut, “... *Ramli bercerita pula tentang sawah yang diusahakannya setiap tahun. Tentang banyak hasil yang diperolehi*” (Azizi Haji Abdullah, 1971:11). Azizi juga menggarap realiti berkenaan dengan penggunaan teknik baja yang menggantikan cara baja tradisi seperti dialog berikut, “... *Baja di bawah jelapang tu masih ada. Esok kau ambil dan taburlah. Anak semai tu perlu dijaga, kalau tidak tak cukup nanti,*” *pesan bapanya*” (Azizi Haji Abdullah, 1971:67).

Dalam dasar ekonomi dan pembangunan ketika itu, hasil hutan dan hasil tani di desa-desa dilihat berpotensi untuk dijadikan komoditi utama pertanian. Hasil-hasil tersebut semakin mendapat perhatian pasaran termasuk padi, kelapa sawit dan getah selain hasil-hasil hutan seperti damar, rotan dan lain-lainnya. Secara tidak langsung, selain menstabilkan harga produk pertanian, realiti berkenaan turut menjamin pulangan memberangsangkan kepada para petani yang majoritinya keluarga Melayu sekaligus mengubah sosio ekonomi mereka daripada pertanian sara diri kepada berkonsepkan usahawan tani. Azizi merakam secara kreatif kedua-dua senario realiti berkenaan menerusi watak Malawi dalam *Senja Belum Berakhir* (1971) dan watak Tukya dalam *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982).

Dalam novel *Senja Belum Berakhir* (1971), watak Ramli dilukiskan oleh Azizi yang begitu ghairah membicarakan peningkatan hasil tuaian padinya saban tahun kepada Malawi. Ramli turut menjelaskan bahawa selain hasil-hasil pertanian sampingan yang diusahakannya turut menjana ekonomi dan menjadi pendapatan tambahan keluarga mereka. Azizi juga menggambarkan realiti kehidupan keluarga Melayu dalam dekad 70-

an. Rakaman kehidupan yang sedemikian dilakarkan seperti dalam dialog berikut:

Malawi yang baru pulang ke kampung setelah bertahun-tahun merantau di Kuala Lumpur berasa kagum dengan kemajuan yang ditempa daerah serta desa kelahirannya selain kawasan sekitar. Ini lebih ketara terhadap sistem perhubungan dan pengangkutan seperti digambarkan menerusi Setesen Keretapi Sultan Abdul Halim yang jauh lebih cantik, lengkap dengan kemudahan serta selesa. Jalan masuk ke desanya yang dahulu hanya sesuai untuk kenderaan dua roda serta pejalan kaki kini sudah bertar dan boleh dilalui kenderaan empat roda sehingga ke depan pintu rumah. Ini termasuk teksi sewa yang menghantarnya selain lori-lori pengangkut hasil padi dan baja yang semakin giat keluar masuk. Aktiviti ekonomi selain penanaman padi seperti hasil mahsul dusun serta penternakan yang hasilnya dipasarkan ke pekan berdekatan turut berkembang sekaligus meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk kampung. Secara tidak langsung, Pekan Kota yang terletak tidak jauh dari kampungnya turut membangun apabila bangunan rumah kedai dua tingkat daripada batu mula tumbuh di sana sini.

(Azizi Haji Abdullah, 1971)

Azizi sekali lagi melakarkan realiti yang hampir serupa tentang hasil mahsul hutan yang dijualbeli dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982). Novel berkenaan berlatarkan kehidupan keluarga Melayu desa 1970-an yang tinggal di hujung ceruk desa. Watak Tukya serta penduduk kampungnya di kaki Gunung Bongsu digambarkan menggunakan kemudahan perhubungan bagi menjual hasil pertanian serta hutan yang dikutip ke pekan berdekatan bagi menambah pendapatan keluarga masing-masing. Novel berkenaan secara jelas melukiskan bahawa berlakunya urus niaga jual beli secara sara diri.

Menoleh kepada novel *Seorang Tua di kaki Gunung* (1982), Azizi menceritakan keadaan Fikri sewaktu kecilnya, hanya berjalan kaki atau dihantar oleh Tukya menaiki basikal ke sekolah kerana kampungnya di kaki Gunung Bongsu terletak agak jauh dari pekan, yang tidak dapat dimasuki kenderaan besar termasuk bas. Sehubungan itu, aktiviti ekonomi mereka turut terbatas kepada pertanian sara diri. Namun, perkembangan sistem pengangkutan moden yang sudah sampai ke kampungnya membolehkan Tukya dan penduduk lain meluaskan aktiviti ekonomi mereka. Selain hasil padi yang mula dihantar ke kilang-kilang, mereka turut memasarkan sendiri hasil hutan yang diperoleh ke bandar bagi menampung keperluan seharian yang sebelumnya lebih bergantung pada hasil padi. Fikri yang telah menetap di Kuala Lumpur juga tidak bermasalah untuk menjenguk ibu bapanya hampir saban bulan kerana kemajuan kemudahan perhubungan membolehkan kereta sampai ke halaman rumah keluarganya (Azizi Haji Abdullah. 1982).

### **KEMISKINAN MASYARAKAT**

Kepayahan hidup merupakan fenomena sosial yang berterusan berlaku dari awal kemerdekaan hingga kepada pascamerdeka tanah air. Menyingkap aspek ekonomi orang Melayu dekad pramerdeka, Za'aba (1927) merumuskan, kemiskinan mereka digambarkan amat parah lantaran mencakupi pelbagai aspek teras penting dalam kehidupan sama ada fizikal mahupun pemikiran. Azizi menampilkan pemikiran terhadap sosioekonomi melalui gambaran kemiskinan hidup. Menurut Safwan Razali dan Zubir Idris (2018:228),

gambaran yang diajukan oleh pengarang menjadi wahana kepada pembaca untuk memahami peranan setiap individu dalam masyarakat. Azizi menyingkap episod kemiskinan dan kepayahan hidup masyarakat khususnya masyarakat desa untuk ditatap oleh khalayak pembaca dan menyampaikan suaranya kepada pemerintahan semasa. Nada menyindir kepada pemerintah semasa adalah isu yang sering diselitkan dalam novel-novelnya. Beliau melukiskan kegagalan pemerintah membela nasib dan kehidupan masyarakat dalam novel *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tuk Cai* (1991) dan *Harga Sebuah Maruah* (2007). Keempat-empat novel tersebut melukiskan kemiskinan masyarakat desa yang tidak berubah merentas beberapa zaman selepas merdeka. Konteks kemiskinan masyarakat dapat dilihat menerusi *survival* watak Cah melalui petikan berikut:

Memang pun Cah sedar dia sudah tua. Sudah hampir 60 tahun. Tetapi Cah masih mampu mengerjakan sawah tiga relung tanpa upah yang bukan-bukan. Cah sedar dia tidak seperti orang lain. Tiga relung apalah sangat. Menabur dan kini menyerak boleh dilakukan seorang diri. Cabut rumput, menyembur racun juga boleh seorang diri. Lainlah kalau putar jerami atau menuai pakai jentera.

(Azizi Haji Abdullah, 2007:8)

Seterusnya, masyarakat Kampung Kertau dalam novel *Harga Sebuah Maruah* (2007) juga digambarkan masih belum menerima kemudahan elektrik, air bersih, jalan raya, pusat kesihatan dan menjalankan pekerjaan tradisi dengan menanam padi. Oleh sebab itu, kedudukan yang terpencil menyebabkan mereka mudah ditindas dan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu yang ingin membolot sumber ekonomi di kawasan penempatan mereka dengan cara mengambil tanah-tanah yang diusahakan dan hal tersebut dilakarkan seperti dalam petikan berikut:

Cah tidak menyangka sama sekali petang itu dia menjadi seekor singa betina yang lapar. Pada matanya yang pudar itu menyala-nyala kilatan kebencian yang amat sangat. Memperkatakan tentang sawah seperti memperkatakan maruahnya dan maruah seluruh pesawah kampung. Cah tidak tahu menyukat, sebanyak mana harga maruah mereka, tetapi dia dapat merasa bagaimana masa depan mereka begitu tercabar. Habibah di sisinya pasti merasainya.

(Azizi Haji Abdullah, 2007:25)

Azizi mengutarakan kemiskinan kehidupan masyarakat desa dan kedaifan masyarakat melalui tempat tinggal dan lokasi watak-watak yang dibangunkan dalam novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982). Azizi melukiskan keadaan kehidupan masyarakat yang berlokasi di kaki Gunung Bongsu begitu ketinggalan, miskin dan mundur. Sejalan dengan hal tersebut, Che Abdullah Che Ya (2009: 30) mengatakan pengarang adalah pihak yang terawal dan berani menyatakan kepincangan dan keburukan sesuatu agar manusia lain (pembaca) menyedarinya. Justeru, Azizi menyingkap tentang kehidupan masyarakat di situ yang tidak menerima sebarang kemudahan asas seperti infrastruktur, bekalan air dan ketiadaan elektrik. Tidak ada pusat-pusat kesihatan dan sekolah. Air diperolehi dari air gunung dan telaga, manakala lampu minyak tanah digunakan untuk menerangi malamnya.

Para penduduk pula mengusahakan kerja-kerja harian secara tradisional seperti menanam padi huma, bertani dan mencari hasil hutan seperti jering, rotan, damar dan manisan lebah sebagai sara hidup. Mereka mula bekerja dari mula matahari terbit hinggalah menjelang senja. Azizi memperlihatkan keadaan mencari rezeki dengan mengambil madu di hutan seperti mana dalam petikan berikut, "*Dari Atuk cari madu lebah, lebih baik atuk terbang pokok. Lebih baik Atuk buat rumah lain. Rumah 'tu' dah senget. Sekali Farid tolak terbalik*" (Azizi Haji Abdullah, 1982:91). Kedhaifan kehidupan dilambangkan juga menerusi gambaran tempat tinggal Tukya. Petikan berikut jelas memperlihatkan kedaifan tempat tersebut, "*Bapa tak bagi. Di sini hutan katanya. Rumah atuk buruk, rumah atuk nak runtuh*" (Azizi Haji Abdullah, 1982:95)

Berdasarkan petikan-petikan berkenaan, Azizi membawa khalayak untuk melihat secara dekat tentang keuzuran tempat tinggal Tukya. Kedaifan tempat tinggal itu menjadi perlambangan kemiskinan hidup. Gambaran yang sama juga seiring dengan Tengku Intan Marlina (2006) yang mengatakan bahawa Tukya dan Besah mewakili golongan tua di desa dan mempunyai gaya kehidupan desa manakala keluarga Fikri mewakili golongan muda yang berasal dari desa tetapi lebih tertarik kepada kehidupan kota malahan telah berhijrah ke bandar untuk mendapat status kehidupan yang lebih baik.

Novel-novel Azizi menyorot kemiskinan sebagai subjek kritikan dalam banyak karyanya. Hal yang demikian dilihat sejalan dengan pernyataan oleh Zubir Idris (2011:110) yang mengatakan bahawa pengarang mewakili masyarakat dan cuba mengembalikan wibawa masyarakat melalui reaksi dan protes halus kepada pihak yang berkuasa. Berdasarkan hal tersebut, didapati aspek kemiskinan yang diketengahkan oleh Azizi bukan sahaja tentang punca dan kesan kemiskinan itu sendiri, tetapi pada masa yang sama novel-novel ini turut mengkritik golongan pemerintah yang tidak menjalankan amanah yang diberikan dengan sebaiknya. Lantaran itu, kemiskinan dianggap sebagai masalah berterusan dalam negara dan masyarakat selagi pihak-pihak yang diberi kuasa tidak berintegriti dan bermoral rendah. Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengambil berat terhadap pemimpin yang dilantik, menilai dasar-dasar yang dirancang dan sebagainya supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu supaya tidak memberi kesan negatif kepada masyarakat dan negara.

### **KESIMPULAN**

Setelah menekuni keempat-empat karya Azizi jelas dapat disimpulkan beliau menjadikan penulisannya sebagai wadah untuk menyatakan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan corak sosio ekonomi keluarga Melayu ciptaan Azizi Haji Abdullah dikategorikan kepada tiga elemen utama bermula dengan peluang kerjaya, citra wanita dan peranan teknologi sains model di tengah-tengah masyarakat ditampilkan oleh Azizi. Setiap satunya merupakan impak dari sistem ekonomi yang mewarnai zaman ketika itu. Jika sekiranya zaman sebelum merdeka, masyarakat melayu masih dihunjam kemiskinan dengan paparan kehidupan yang tertinggal dari pembangunan apatah lagi wanita tiada tempat dalam sektor ekonomi, namun dalam karya Azizi telah menjadi sumber yang membuktikan keadaan sedemikian telah berubah. Penerimaan teknologi moden dalam pertanian menjadi pemangkin bagi memperbaiki taraf hidup masyarakat desa dan peluang kerjaya di kota-kota besar menjadi faktor penarik pemuda desa untuk mencari rezeki memperbaiki taraf hidup keluarga di desa.

Corak perubahan yang berlaku dalam masyarakat melalui setiap fasa menjadikan karya-karya Azizi mengangkat beliau sebagai pengarang yang unggul dan terletak dalam kelas yang tersendiri lantaran keupayaannya merakamkan kesinambungan perubahan yang berlaku dari dekad ke dekad. Azizi sebagai pengarang yang bertaraf prolific turut menjadi anggota masyarakat

yang terlibat secara langsung dalam kehidupan masyarakat. Azizi tidak berdiam diri terhadap realiti yang disaksikannya. Sebaliknya, keprihatinan terhadap nasib masyarakat memangkin Azizi untuk menyuarakan pandangan dan tanggapan melalui pelbagai saluran termasuk politik. Menyedari batas upaya dan peluang dalam bidang politik lantaran berada di pihak oposisi, tidak mematikan usaha beliau. Malah, Azizi menggunakan kelebihan kepengarangannya bagi melontarkan kritikan terhadap kepincangan berlaku di samping menyajikan senario kehidupan masyarakat desa yang gigih meneruskan kehidupan.

Melalui novel *Senja Belum Berakhir* (1971), *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Tuk Cai* (1991) dan *Harga Sebuah Maruah* (2007), khalayak dapat melihat pengalaman sedia ada dalam diri Azizi yang dipindahkan dalam bentuk karya untuk meninggalkan kesan dari aspek pemaknaan. Malahan novel-novel berkenaan sarat dengan elemen berbau pengalaman, bantahan dan impak ekonomi dari dasar pembangunan bagi setiap dekad. Masalah kemiskinan masyarakat belum dapat lagi diatasi sepenuhnya malah berlaku ketidaksamaratan agihan pembangunan. Sosio ekonomi masyarakat desa masih lagi dibelenggu dengan gambaran kepayahan hidup dan stigma kemiskinan yang begitu sinonim dengan kehidupan masyarakat desa. Meskipun begitu, Azizi secara tidak langsung telah menggambarkan impak ekonomi telah memberi nafas baru kepada kerjaya masyarakat desa ke kota dan turut mengakui bahawa wanita juga mempunyai citra dan peranan untuk menggembeleng usaha ke dunia kerjaya bagi menyara keluarga. Menerusi novel-novel *Senja Belum Berakhir* (1971), *Tuk Cai* (1991) dan *Harga Sebuah Maruah* (2007), Azizi turut memperlihatkan berlakunya elemen penerokaan teknologi dalam pertanian seperti penanaman dua kali setahun dan penggunaan peralatan jentera dan baja dalam meningkatkan hasil tani, dan peraka ini disambut baik oleh masyarakat desa bagi penggunaan kaedah tersebut.

#### **RUJUKAN**

- Azhar Haji Wahid. 2013. Ingin Jadi Pujangga: Tanggapan Kritikan Sosial Kemasyarakatan. Dlm. Azhar Abd Wahid. *Kritikan Intelektualisme Sastera Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 89.
- Azizi Haji Abdullah. 1971. *Senja Belum Berakhir*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Azizi Haji Abdullah. 1981. *Seorang Tua di Kaki Gunung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Haji Abdullah. 1991. *Tukcai*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Azizi Haji Abdullah. 2007. *Harga Sebuah Maruah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Banister, Peter., Bunn, Geoff., Burman, Erica., Daniels, John., Duckett, Paul., Goodley, Dan., Lawthom, Rebecca., Parker, Ian., Runswick-Cole, Katherine., Sixmith, Judith., Smailes, Sophie., Tindal, Carol., & Wheelan, Pauline. 1994. *Qualitative Method in Psychology: A Research Guide*. Philadelphia: Open Press University.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. 1975. *Introduction to Qualitative Research Methods*: New York: Wiley.
- Che Abdullah Che Ya. 2009. Protes dalam Masyarakat di Alam Melayu Sebelum Merdeka: Analisis Terhadap Beberapa Novel Terpilih. *Jurnal Melayu*, 4, 29-42.
- Johnson, S. D. 1995. Will Our Research Hold Up Under Scrutiny? *Journal of Industrial Teacher Education*, 32(3), 3-6.
- Michael Quinn Patton. 1978. *Utilization-Focused Evaluation*: Beverly Hills: Sage Publication.
- Muhammad Yusri Yusof. 2020. Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Othman Puteh. 1985. Sudut Pandangan Pencerita. *Dewan Siswa*, April: 40.
- Ramli Isin. 1997. Novel Melayu Mutakhir: Analisis Cerminan Nilai Budaya Bangsa. Dlm. Othman Puteh (Peny.). *Teks: Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 57.

- Ratna Nyoman Kutha. 2004. *Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Safwan Razali & Zubir Idris. 2018. Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional dalam *Syair Putera Mahkota*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17(2), 225-240.
- Salmiah Ismail. 2000. Azizi Haji Abdullah. Dlm. *Ensiklopedia Sastera Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 63.
- Seri Lanang Jaya Rohani, Abd Rahman Napiah, Mohd Rashid Md Idris & Naffi Mat. 2016. *Karya Agung Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 101.
- Siti Aisah Murad. 1996. *Abdullah Munsyi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2011. Laskar Pelangi; Satu Penelitian Adaptasi Novel ke Filem (Laskar Pelangi: A close study of the adaptastion of novel to filem). *The Asian Journal of Humanities*, 18(1), 35-52.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. 1998. *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. Edisi Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Tengku Intan Marlina. 2006. Pertentangan Nilai dan Psikologi Orang Tua dalam Seorang Tua di Kaki Gunung. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 307-329.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2012. Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12 (4). 1213-1225.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2013. Gender dalam Sastera Melayu. Bangi. *Jurnal Melayu*, 10, 93-99.
- Zainal Abidin Ahmad. 1927. Kemiskinan Melayu. *Al-Ikhwani*, Mac: 132.
- Zubir Idris. 2011. Etnosentrisme Melayu dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Melayu*, 7, 107-120.

**Biodata Penulis:**

**Noor Salawati binti Abu Bakar** adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Kent, Tuaran Sabah. Berpengalaman mengajar di institusi pendidikan selama 25 tahun.

**Zubir Bin Idris (PhD)**, adalah Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Kajian Manuskrip Melayu dan Historiografi Melayu Tradisional.

**Shaiful Bahri Md. Radzi (PhD)**, adalah mantan Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan Folklor Melayu. Beliau baru sahaja menamatkan perkhidmatan di UKM pada 6 Januari 2021.